

Berita Manmin

NO. 26 16 JULAI 2023

Kerjasama Membawa Lebih Banyak Kebahagiaan



“
Begitu juga halnya
dengan kita. Sungguhpun
bilangan kita banyak,
tetapi kita satu tubuh kerana
kita bersatu dengan Kristus.
Kita semua dihubungkan
satu dengan lain
sebagai anggota-anggota
daripada satu tubuh
(Roma 12:5).
”

Tangan Tuhanlah yang membantu
Rasul Paulus memenuhi misinya untuk orang
bukan Yahudi.
Ada banyak pembantu sewaktu pelayanannya.

Timotius dan Titus mentaati dan melayani Paulus,
serta menjaga banyak gereja dengan hati sepertinya.
Priskila dan Akwila menghiburkannya
pada masa dia dalam kesusahan.
Mereka menyediakan jalan baginya,
mengembara lebih awal ke tempat-tempat penginjilan.

Titus dari Korintus dan Lidia dari Filipi
menyediakan rumah mereka untuk kegunaan gereja.
Mereka melayani Paulus dan saling menyayangi.
Mereka melayani Tuhan dengan gembira.

Apabila setiap anggota komuniti melakukan bahagian
tugas mereka,
dan mendorong satu sama lain dengan kasih,
kita akan dapat menghasilkan buah yang lebih baik,
menikmati kegembiraan seperti yang diciptakan
dalam kerjasama,
dan memberikan kemuliaan yang besar kepada Tuhan.

Percikan kebangkitan melalui kuasa dan firman kehidupan!

Lawatan Misi ke Malaysia Membuka Pintu Pelayanan di Asia Tenggara



Pelayanan Manmin bermula dengan anggota Manmin di Malaysia yang menerima rahmat daripada firman kehidupan dan mengalami kerja berkuasa Tuhan. Kerja-kerja misionari dijalankan secara aktif melalui buku-buku rohani Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee. Pada hari Ahad 21 Mei, Gereja Manmin Kuala Lumpur, yang wakilnya ialah Diaken Sophia Wu, memersempahkannya ibadat ulang tahun yang ketiga.

Pengkhutbahnya Pastor Sungchil Lee, Ketua Pastor Gereja Manmin Masan (Korea), menyampaikan khutbah yang bertajuk 'Iman' (Markus 9:23-27) dalam ibadat pagi Ahad, dan merasmikan acara pembaptisan selepas ibadat tersebut. Dalam ibadat ulang tahun pada sebelah petang, Pastor Lee menyampaikan khutbah yang bertajuk 'Pekerja yang Sejati'

menyampaikan khutbah dan berdoa untuk anggota gereja dengan sapu tangan kuasa.

Pada hari Selasa 23 Mei, pasukan misionari mengadakan perjumpaan dengan Pastor Inky, ketua pastor Gereja SIB yang bekerja secara giat untuk kebangkitan Kristian di Malaysia melalui kerjasama dengan komuniti setempat. Pastor Inky menjemput Pasukan Misionari Manmin untuk mengadakan sesi pujian umum dan perjumpaan kesembuhan ilahi (gambar 3, tengah). Pada petang itu, Pastor Lee dan pasukan misionari menghadiri satu persidangan yang dianjurkan oleh Persatuan Gereja Penginjilan Malaysia dan menggunakan masa itu untuk persekutuan dengan para pastor Malaysia bagi membincangkan hala tuju kerja-kerja misionari pada masa hadapan (gambar 4).



(1 Tesalonika 5:16-18) dan berdoa dengan sapu tangan kuasa (Kisah Rasul-rasul 19:11-12). Anggota Manmin memuliakan Tuhan dengan kesaksian kesembuhan (gambar 1).

Pastor Job Manikam dari Pakistan dan isterinya, Cynthia, turut menghadiri acara tersebut dan menambahkan kemeriahan sambutan ulang tahun tersebut. Cynthia ialah saksi hidup tentang kewujudan Tuhan. Apabila Cynthia berusia 7 tahun, dia berada dalam keadaan kritikal akibat penyakit seliak. Memandangkan dia tidak mampu bergerak dari rumahnya di Pakistan, Pastor Jaerock Lee berdoa sambil meletakkan tangan beliau di atas gambarnya lalu Cynthia segera sembuh. Kini, Cynthia menyebarkan kasih Tuhan kepada orang lain.

Sambutan pembukaan Kafe Buku Urim yang ditubuhkan untuk masyarakat umum (gambar 2) diadakan pada hari keesokannya. Selepas itu, Pastor Lee dan pasukan misionari melawat Gereja Manmin Ibu Negara yang wakilnya ialah Diaken Hew Foong Peng. Di sana, Pastor Lee

Selain itu, Pasukan Misionari Manmin (Korea) juga mengadakan perjumpaan dengan pemimpin pelayanan Manmin Malaysia termasuklah Diaken Deborah Tang (Presiden Penerbit Manmin Malaysia) dan Diaken Donny Yii (wakil Gereja Manmin Sibu Jaya). Mereka membincangkan cara-cara untuk mengembangkan pelayanan di Asia Tenggara, termasuklah kebangkitan gereja dan pelayanan buku. Pemimpin Manmin dan ramai orang Kristian di Malaysia dapat memahami kehendak Tuhan dengan betul dan mengalami perubahan dalam hidup mereka melalui khutbah dan buku Dr. Jaerock Lee. Kerja kuasa berlaku pada diri mereka, misalnya kesembuhan daripada penyakit dan roh jahat diusir. Itulah sebabnya mereka berdedikasi dalam pelayanan gereja dan pelayanan buku. Melalui lawatan misi ini, kita menjangkakan bahawa pintu-pintu bagi kerja misionari di Asia Tenggara bersama-sama komuniti gereja Malaysia akan dibuka dengan lebih luas pada masa hadapan.

Sorotan Khas

Cara-cara untuk menyingkirkan hati yang berubah-ubah



Hati yang berubah-ubah membawa penyimpangan daripada keputusan awal mengikut kepentingan sendiri – tidak mempunyai fikiran yang tetap. Hati yang berubah-ubah boleh menjadi salah satu halangan terbesar kepada pertumbuhan rohani.

Orang yang secara semula jadi bersikap tidak sabar, mudah berasa bosan atau cepat berputus asa tergolong dalam kategori ini. Namun begitu, mereka dapat berubah jika mereka berusaha dengan bantuan Roh Kudus berserta rahmat dan kekuatan daripada Tuhan.

1. Jangan membuat keputusan secara tergesa-gesa, cuai atau melulu bergantung kepada emosi atau suasana

Terdapat ramai orang menyesal kerana membuat keputusan seketika apabila mereka dipengaruhi oleh emosi atau suasana. Orang yang biasanya banyak bercakap atau suka bergurau perlu memeriksa sama ada kata-kata mereka diucapkan secara kalut atau dengan cuai. Kita perlu berjaga-jaga untuk tidak menjadi orang yang tidak menepati kata.

Tidak menepati janji kepada diri sendiri, mudah memungkiri janji dengan orang lain dan kerap

mengingkari janji dengan Tuhan merupakan ciri orang yang mempunyai hati yang berubah-ubah. Adalah penting untuk menepati janji dan keputusan yang dibuat dalam hati kepada Tuhan (Mazmur 15:4; Bilangan 30:2). Terutama sekali, adalah penting untuk mempraktikkan pemikiran dalam kebenaran, berkata-kata dengan teliti dan membuat keputusan yang bijak di bawah kawalan Roh Kudus agar tidak melakukan kesilapan dengan kata-kata (Yakobus 1:19).

2. Meningkatkan keupayaan untuk menepati janji bermula daripada perkara yang kecil

Cara terbaik untuk menyingkirkan hati yang berubah-ubah adalah dengan mempraktikkan keputusan yang kecil. Kadang-kadang orang berubah fikiran kerana sifat-sifat hati mereka yang berubah-ubah. Namun begitu, semakin banyak sifat berdosa semakin banyak perubahan fikiran yang berlaku. Adalah penting untuk meningkatkan keupayaan untuk melakukan satu demi satu tindakan selaras dengan kata-kata atau keputusan untuk menyingkirkan hati yang berubah-ubah.

Apabila kita bertekad untuk menyingkirkan sesetengah sifat berdosa dalam hati, adalah penting untuk kita berdoa bagi perkara itu secara

berterusan dan mempraktikkannya dengan setia. Jika kita berhenti melakukannya, sifat berdosa akan datang kembali dan kita berakhir dengan mengulanginya kemudian dalam kehidupan.

Untuk cepat menyingkirkan hati yang berubah-ubah, sangat penting untuk kita pada setiap hari mempraktikkan apa-apa sahaja perkara remeh yang kita katakan atau kita putus untuk kita lakukan. Melalui amalan secara berterusan, kita dapat menerima keupayaan untuk melatih kawalan diri dan pengurusan diri, serta menerapkannya dalam kehidupan seharian.

3. Jangan berputus asa terhadap diri sendiri ketika dalam keadaan hilang semangat

Dalam proses mencapai penyucian, sesetengah orang hilang semangat dan berputus asa apabila mereka menyedari kekurangan diri mereka. Mereka tidak dapat mencapai penyucian bukan sahaja kerana sifat hati yang berubah-ubah malah juga kerana berputus asa akibat kehilangan semangat.

Kadangkala hati yang berubah-ubah berlaku akibat kurang keazaman dan ketabahan serta berpunca daripada kelicikan atau pengkhianatan. Untuk memasuki tahap roh penuh, kita perlu menyedari bahawa sifat berubah-ubah pada dasarnya berkaitan dengan semua

bentuk kejahatan dan justeru itu perlu menyingkirkannya.

Oleh itu, jika kita membiarkan sifat hati yang berubah-ubah dalam aspek remeh yang kita sedari, ia akan berakar umbi dalam diri kita dan bertumbuh menjadi pokok kejahatan yang besar. Kita perlu mengenal pasti semua unsur yang berubah-ubah dalam hidup, sama ada kecil atau besar, dan menyingkirkannya dengan bantuan Roh Kudus supaya hati yang berubah-ubah tidak akan berakar umbi. Jangan berputus asa dan teruskanlah menyingkirkan sifat berubah-ubah.



Oleh Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee

Keselamatan Hanya Diberikan kepada Orang yang Dilahirkan daripada Air dan Roh

“Yesus menjawab, ‘Percayalah, tidak seorang pun dapat menikmati Pemerintahan Allah kecuali dia dilahirkan semula’” (Yohanes 6:53-55).

Walaupun ramai orang mengaku telah menerima Yesus Kristus dan mengaku iman mereka kepada Tuhan, tidak semestinya mereka semua mempunyai jaminan keselamatan. Dengan dialog rohani antara Yesus dan Nikodemus sebagai panduan kita, Berita Manmin pada kali ini akan meneliti kepentingan “dilahirkan daripada air dan Roh Kudus” dan cara menuju keselamatan yang sempurna.

1. Dialog Rohani antara Yesus dan Nikodemus

Nikodemus ialah seorang pegawai Yahudi, seorang guru, dan salah seorang Farisi yang sangat mahir dalam hukum Taurat.

Semasa zaman Yesus, orang Farisi adalah “suci” secara luaran, tanpa mentaati Taurat dalam hati; mereka bukan sahaja meragui ajaran Yesus tetapi juga menerajui gerakan untuk membunuh Dia. Tidak seperti orang Farisi yang lain, Nikodemus dahaga akan kebenaran. Oleh sebab dia memiliki iman yang sejati, dia datang kepada Yesus pada suatu malam.

Nikodemus secara terang-terangan membuat pengakuan kepada Yesus, “Guru, kami tahu bahawa guru diutus oleh Allah untuk mengajar kami. Tidak seorang pun dapat melakukan mukjizat seperti yang guru lakukan, kecuali Allah menyertai dia.” Menyedari bahawa Nikodemus mempunyai kedahagaan dalam hatinya, Yesus menjawab, “Percayalah, tidak seorang pun dapat menikmati Pemerintahan Allah kecuali dia dilahirkan semula,” dan memberikan dia ajaran rohani.

Walau bagaimanapun, apabila mendengarnya, Nikodemus tidak dapat memahami bagaimana seorang dewasa yang setelah lama dilahirkan dapat dilahirkan semula. Seperti diingatkan oleh 1 Korintus 4:20, hanya apabila seseorang menerima kuasa Tuhan dengan ilham oleh Roh Kudus barulah dia dapat memahami rahsia rohani. Tanpa memahami ajaran rohani oleh Yesus, Nikodemus bertanya, “Bagaimanakah seorang dewasa dapat dilahirkan semula? Tidak mungkin dia masuk semula ke rahim ibunya lalu dilahirkan untuk kali kedua!”

Sebagai balasan, Yesus memberitahunya, “Apa yang

Aku katakan ini benar: Tidak mungkin seorang pun menikmati Pemerintahan Allah, kecuali dia dilahirkan daripada air dan daripada Roh Allah. Secara jasmani manusia dilahirkan oleh manusia, tetapi secara rohani manusia dilahirkan oleh Roh Allah. Jangan hairan kerana Aku berkata kepadamu bahawa kamu semua mesti dilahirkan semula!” Untuk seseorang masuk ke Syurga, kata Yesus, roh yang tidak kelihatan mesti dilahirkan semula.

Adam, nenek moyang manusia, telah diciptakan sebagai makhluk hidup tetapi akibat dosanya, rohnya mati. Selepas itu, semua keturunan Adam dilahirkan dengan keadaan roh mereka mati. Oleh sebab mereka menjadi makhluk badani, mereka tidak dapat masuk ke Syurga.

Satu-satunya cara untuk membetulkan dan mengelakkan perkara ini – mengelakkan seseorang daripada menuju Neraka – adalah dengan dilahirkan daripada air dan Roh Kudus. Atas sebab yang sedemikian, Yesus memberitahu Nikodemus, “Angin bertiup ke mana sahaja angin mahu, kita mendengar bunyinya, tetapi tidak tahu dari mana datangnya dan ke mana perginya angin itu. Begitu juga halnya dengan setiap orang yang dilahirkan oleh Roh Allah.” Sama seperti angin yang tidak kelihatan dan arahnya tidak dapat dijangkakan, kita dapat memahami dan mengalami hal-hal dunia rohani hanya melalui kerja Tuhan dan kuasa Roh Kudus.

Selepas pertemuan ini dengan Yesus, kita mendapati bahawa Nikodemus membela Yesus apabila orang Farisi mengkritik Dia (Yohanes 7:50-51), dan apabila Yesus mati di atas kayu salib, dia datang dengan membawa “ramuan mur dan gaharu sebanyak kira-kira tiga puluh kilogram” (Yohanes 19:39). Daripada perbuatan sedemikian, kita tahu bahawa Nikodemus menerima keselamatan.

2. Kepentingan Rohani “Dilahirkan daripada Air”

Yohanes 4:14 menyatakan, “tetapi sesiapa minum air yang akan Aku berikan kepadanya, dia tidak akan dahaga selama-lamanya. Air yang akan Aku berikan itu menjadi suatu mata air yang memancar di dalam

dirinya, dan memberi dia hidup sejati dan kekal.” “Air” dalam ayat ini adalah sama dengan “mata air yang memancar dan memberikan hidup sejati dan kekal” yang diberikan oleh Yesus kepada kita.

Adakah “mata air yang memancar dan memberikan hidup sejati dan kekal” ialah air sejati yang diberikan oleh Yesus kepada kita? Kita tahu bahawa tanpa makan tubuh dan minum darah Yesus Anak Manusia, tidak ada hidup di dalam diri kita (Yohanes 6:53).

Yohanes 6:54 menyatakan, “Sesiapa yang makan tubuh-Ku dan minum darah-Ku mempunyai hidup sejati dan kekal, lalu Aku akan membangkitkan dia pada Hari Kiamat.” Makan tubuh Anak Manusia adalah dengan menerima Firman Tuhan dan minum darah Anak Manusia adalah melaksanakan Firman Tuhan. Makan tubuh dan minum darah Anak Manusia – iaitu Firman Tuhan – ialah air yang memberikan hidup yang kekal kepada manusia.

Seperti air yang membersihkan kotoran dan memberikan kehidupan kepada semua makhluk hidup, “air” dalam istilah rohani – Firman Tuhan – membersihkan dosa dan kejahatan daripada hati kita dan membantu kita untuk memiliki hidup yang kekal. Apabila Firman Tuhan berada di dalam hati kita dan membersihkannya, kita akan menyingkirkan unsur-unsur yang berdosa dan jahat seperti cemburu, iri hati, kebencian dan panas baran, dilahirkan kembali, dan mencapai keselamatan (1 Petrus 3:21). Oleh itu, apabila kita menerima dan hidup menurut Firman Tuhan, yang berfungsi untuk membersihkan dosa-dosa kita, kita secara beransur-ansur menjadi suci dan benar, dan hal ini seterusnya akan menjadi bukti keselamatan kita.

3. Kepentingan Rohani “Lahir daripada Roh Kudus”

Tuhan telah memberikan Roh Kudus kepada anak-anak-Nya yang diselamatkan (Yohanes 15:26; Kisah Rasul-rasul 2:38) dan Roh Kudus membantu mereka untuk memiliki iman dan menghidupkan roh mereka yang telah mati.

1 Yohanes 5:5-8 mengingatkan kita, “Siapakah dapat mengalahkan dunia ini? Hanya orang yang percaya bahawa Yesus Anak Allah. Yesus Kristuslah yang datang ke dunia dengan air baptisan-Nya dan dengan kematian-Nya. Dia datang bukan dengan air sahaja, tetapi dengan air dan darah. Roh Allah sendiri memberikan kesaksian bahawa hal itu benar,

kerana Roh tidak pernah berdusta. Ada tiga saksi: Roh Allah, air dan darah, dan ketiga-tiganya memberikan kesaksian yang sama.”

Ungkapan “yang datang ke dunia dengan air dan darah” menandakan penumpahan darah dan kematian Yesus, iaitu Firman yang sudah menjadi manusia. Apabila Yesus mati di atas kayu salib, kita menerima keselamatan melalui darah-Nya. Oleh itu, “yang datang ke dunia dengan air dan darah” ialah Yesus Kristus dan Roh Kudus dihantar kepada kita selepas pengangkatan-Nya untuk membantu kita percaya kepada fakta itu.

Kitab suci juga memberitahu kita bahawa orang yang percaya bahawa Yesus ialah Anak Tuhan “mengalahkan dunia ini” dan hal ini merujuk kepada bagaimana kita tidak dicemari oleh dusta dengan melawan dan mengalahkan nafsu dunia ini. Roh Kudus bukan sahaja membantu kita untuk percaya kepada Tuhan dengan segala kepastian malah Dia juga akan memberi kita kekuatan untuk mengalahkan dunia ini dan jalannya dengan membuktikan kepada orang dunia tentang dosa, kebenaran dan penghakiman.

Apabila kita menyedari sifat dosa, memahami pentingnya mencapai kebenaran, dan percaya kepada Penghakiman yang akan berlaku, kita akan dipaksa untuk hidup menurut keinginan Roh Kudus. Dengan menyingkirkan dosa dan bentuk-bentuk kejahatan daripada hati kita pada setiap hari, kita akan mengubah hati kita dan mengisinya dengan kebenaran.

Saudara dan saudari yang saya kasihi dalam Kristus, hanya apabila anda dilahirkan daripada air dan Roh, dan mempunyai Roh yang melahirkan roh dalam diri anda, barulah anda dapat masuk ke dalam kerajaan syurga.

Berita Manmin

Malay

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaebang-Ro 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan
(Poskod: 07056)
<http://www.manminnews.com/2012/nation/ebooks.asp?nation=mal>
www.manminnews.com
E-mel: manminhq@manmin.kr
Penerbit: Dr. Jaerock Lee
Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara

Pengakuan Iman

1. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa Alkitab ialah Firman Tuhan yang sempurna dan tidak bercacat cela.
2. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kesatuan dan karya Tuhan Trinitas: Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh Kudus.
3. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa kita diampunkan daripada dosa kita hanya melalui darah penebusan Yesus

Kristus.

4. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kebangkitan dan pengangkatan Yesus Kristus, Kedatangan-Nya yang Kedua, Kerajaan Seribu Tahun, dan Syurga yang abadi.
5. Anggota Manmin mengaku iman mereka melalui “Pengakuan Iman Rasul” pada setiap kali mereka berkumpul dan percaya kepada kandungannya kata demi kata.

PERJUMPAAN KESEMBUHAN ILAHI (MEI 2023)

2023

은사집회

Pemangku Pastor Kanan Soojin Lee berdoa untuk orang yang sakit dengan sapu tangan kuasa (Kisah Rasul-rasul 19:11-12) semasa Perjumpaan Kesembuhan Ilahi.



“Sembuh daripada hemiplegia sebelah kanan. Sekarang saya dapat melakukan semua perkara dengan sendiri!”



Saudari Raghuvanshi Yadav
(Usia 85; Uttar Pradesh, India)

Pada bulan Januari 2023, bahagian kanan badan saya lumpuh ketika saya sedang tidur. Selepas itu, saya tidak dapat berbuat apa-apa tanpa bantuan seseorang.

Pada suatu hari, Saudari Taramati, seorang anggota Gereja Manmin Delhi datang melawat lalu memberitahu saya dan keluarga saya tentang GCNTV HINDI. Dia mengesyorkan agar saya menerima doa Pastor Jaerock Lee untuk orang sakit melalui Internet. Dia juga menyerahkan buku Pastor Lee yang bertajuk Pesanan Salib dan menyuruh saya untuk membacanya.

Anak lelaki sulung saya mula membacakan saya buku itu dan membantu saya untuk menerima doa Pastor Jaerock Lee untuk orang sakit pada setiap hari. Melalui buku itu, saya belajar mengapa Yesus Kristus ialah satu-satunya Penyelamat kita dan menyedari ketentuan keselamatan yang telah dirancang dalam kasih Tuhan. Saya menerima Tuhan Yesus, mengucapkan syukur atas kasih Tuhan, dan mempunyai jaminan kesembuhan.

Saya menghadiri ibadat Manmin menerusi GCNTV HINDI dan berterusan menerima doa Pastor Lee untuk orang sakit. Pada setiap kali Perjumpaan Kesembuhan Ilahi, saya juga menerima doa Pemangku Pastor Kanan Soojin Lee lalu tubuh saya sembuh sepenuhnya. Kini, saya dapat melakukan semua perkara dengan sendiri – berjalan, makan, mandi dan sebagainya. Haleluyah!



Telefon: 82-2-824-7107
www.gcntv.org
webmaster@gcntv.org



Telefon: 82-2-818-7032
www.manminseminary.org
manminseminaryhq@gmail.com



www.wcdn.org
wcdnkorea@gmail.com



Telefon: 82-2-818-7241
www.urimbooks.com
urimbook@hotmail.com

“Sakit belakang saya yang menyebabkan kesukaran berjalan telah hilang!”

Diaken Sunok Gwak
(Usia 73; Paroki 3 Gereja Pusat Manmin)



Saya mula mengalami sakit belakang sejak dua puluh tahun yang lalu. Bermula bulan April tahun ini, kesakitan itu menjadi sangat teruk sehingga sukar untuk saya berjalan. Saya mendambakan Perjumpaan Kesembuhan Ilahi yang akan diadakan pada bulan Mei lalu membuat persiapan untuk kerja-kerja kesembuhan.

Saya berusaha keras untuk menyenangkan hati Tuhan dengan mengambil bahagian dalam Perjumpaan Doa Nazar Daniel dari 8 sehingga 28 Mei 2023 tanpa ketinggalan satu hari pun. Saya juga berpuasa pada setiap pagi. Kemudian, saya membuat keputusan untuk memberikan persembahan damai. Secara ajaibnya, kesakitan pada belakang saya mula berkurangan sejak hari itu. Saya lebih lagi mendambakan Perjumpaan Kesembuhan Ilahi kerana saya yakin bahawa Tuhan sedang menyembuhkan saya.

Pada 26 Mei, saya menghadiri Perjumpaan Kesembuhan Ilahi menerusi GCN TV semasa Ibadat Sepanjang Malam Jumaat lalu menerima doa Pemangku Pastor Kanan Soojin Lee untuk orang sakit. Selepas itu, sakit belakang saya hilang sepenuhnya. Saya bangun pada pagi keesokannya lalu keluar, berjalan-jalan dan masih tiada rasa sakit.

Kesakitan pada kedua-dua lutut saya dan halangan saluran nasolakrimal juga hilang. Pembedahan hanya membuatkan halangan saluran nasolakrimal hilang untuk sementara waktu. Namun begitu, saya berasa sangat gembira apabila mendapati bahawa semua kesakitan telah hilang selepas saya menerima doa. Haleluyah!

“Sembuh daripada osteoarthritis pada kedua-dua lutut!”

Diaken Chunja Han
(Usia 79; Paroki Cina 2 Gereja Pusat Manmin)



Ketika saya muda dahulu, saya pernah bekerja syif 12 jam di salun rambut. Saya pernah bekerja untuk tempoh yang lama di restoran dan juga di ladang. Pekerjaan-pekerjaan ini menyebabkan osteoarthritis pada kedua-dua lutut saya. Pihak hospital mengesyorkan pembedahan tetapi saya menolaknya kerana saya terdengar ada banyak kejadian di mana sakit berulang lagi selepas pembedahan.

Kesakitan itu bertambah teruk dari bulan Mac tahun ini dan saya tidak dapat berjalan tanpa menggunakan tongkat. Untuk pulang ke rumah, saya terpaksa berpaut pada susur tangan untuk menaiki tangga. Di rumah, saya memerlukan tikar apabila saya bangun atau duduk.

Saya menyimpan hasrat yang bersungguh-sungguh untuk disembuhkan dalam Perjumpaan Kesembuhan Ilahi pada bulan Mei lalu berdoa dengan bersungguh-sungguh ketika Perjumpaan Doa Nazar Daniel. Dalam ibadat setiap petang Ahad, saya merenung diri sendiri berdasarkan khutbah tentang Kitab Ayub. Saya menyedari bahawa kasih saya kepada Tuhan adalah tidak sepenuhnya benar lalu saya bertaubat dengan linangan air mata semasa Perjumpaan Doa Daniel. Selepas itu, saya menerima iman untuk disembuhkan.

Pada masa yang sama, saya menyemburkan Air Muan pada kedua-dua lutut saya dengan iman lalu kesakitan mula berkurangan. Bermula 22 Mei, saya dapat menaiki dan menuruni tangga tanpa rasa tidak selesa. Pada 26 Mei, saya menghadiri Perjumpaan Kesembuhan Ilahi menerusi GCN TV dan dengan iman saya menerima doa Pemangku Pastor Kanan Soojin Lee untuk orang sakit. Kedua-dua lutut saya dengan serta-merta terasa sejuk. Selepas itu, saya tidak lagi memerlukan tongkat untuk berjalan. Saya telah bebas daripada rasa sakit. Haleluyah!

